

Green UniFit Fun Games Anjuran UiTM Perak – UiTM NewsHub

 news.uitm.edu.my/2024/10/green-unifit-fun-games-anjuran-uitm-perak

<https://news.uitm.edu.my/author/admin/>

October 28, 2024



18 Oktober 2024 – Telah berlangsung satu program Green UniFit Fun Games bertempat di Pusat Pelajar, UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah bermula jam 9.00 pagi sehingga 11.00 pagi. Program ini adalah anjuran bersama Kampus Hijau, Unit Sukan, dan Kelab Pensyarah sempena Sambutan Bulan Inovasi UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah 2024.

Seramai 60 pensyarah dan staf bukan akademik UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah telah menyertai program ini. Penyertaan adalah secara berkumpulan dimana setiap kumpulan mempunyai 10 ahli. Hola Hola, Kalkulator, Skibidi, Pi Pioneer dan Gempaq adalah antara nama pasukan yang telah diberikan.

Terdapat 5 acara sukaneka yang telah dipertandingkan oleh penganjur iaitu Balingan Manja, Tapak Kuda, Popia Gulung, Zig Zag dan Sedutan Berbisa. Setiap kumpulan telah memberikan komitmen sepenuhnya terhadap setiap acara dan jelas terpancar keriaan dan keterujaan di wajah setiap peserta. Kumpulan Pi Pioneer muncul sebagai johan untuk keseluruhan acara sukaneka. Kumpulan ini terdiri daripada pensyarah dari Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik (KPPIM). Hadiah telah disampaikan kepada setiap kumpulan yang

terlibat oleh Penolong Rektor UiTM Cawangan Perak Kampus Tapah, Dr Ahmad Zoolhelmi Alias. Menariknya, hadiah pada program ini agak berlainan dimana untuk tempat pertama, setiap ahli kumpulan diberi 1 kilo Beras Herba Faiza Taj Mahal.

Program ini memberi banyak manfaat kepada peserta. Selain membentuk gaya hidup yang sihat, program ini juga dapat menjaga kesihatan mental dikalangan staf dengan mengurangkan tekanan yang dihadapi, dan dapat merapatkan hubungan ukhwah di kalangan staf UiTM.



